



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PENYELIDIK KANAN (C.3-4 EB.5)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI PENYELIDIK KANAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - 2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Penyelidikan / Perhubungan / Perhubungan Antarabangsa atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan hal ehwal serantau khususnya hal ehwal ASEAN dan organisasi antarabangsa adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu memantau dan menyelaras isu-isu yang berhubungkait dengan ASEAN khususnya di bawah Tunggak Komuniti Sosio-Budaya (ASCC), termasuk penyediaan *briefing* bagi mesyuarat-mesyuarat serta persediaan logistik bagi menghadiri mesyuarat berkenaan di luar negara atau secara *video conference*;
2. Membantu meneliti kertas-kertas / laporan yang berkaitan dengan hal ehwal serantau dan antarabangsa dan penglibatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang tertentu seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*), Komanwel, *OIC*, *ASEM*, *UNESCO*, *ISESCO* dan seumpamanya;



3. Mengemaskinikan hubungan kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar khususnya yang berkaitan dengan bidang tugas KKBS termasuk penyediaan *briefing* bagi kunjungan hormat, kunjungan perpisahan dan *inputs* yang dipohonkan;
4. Membantu menyediakan / meneliti draf Memorandum Persefahaman (MOU) dan hubungan kerjasama dengan negara-negara dan organisasi di luar Negara, yang berkaitan dengan KKBS dan Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk memantau pelaksanaannya; dan
5. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diatitkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.